



## **MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU IKLAN JAWATAN KOSONG**

Warganegara Malaysia adalah dipelawa memohon jawatan-jawatan sebagaimana di bawah. Keutamaan akan diberi kepada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia yang telah menduduki Negeri Johor tidak kurang dari tiga (3) tahun berturut-turut.

### **1. NAMA JAWATAN :**

BIL	JAWATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	GRED	TARAF JAWATAN
1.	Pegawai Tadbir	Pengurusan dan Profesional	Pentadbiran dan Sokongan	N9	Kontrak (Interim)
2.	Pegawai Kawalan Alam Sekitar	Pengurusan dan Profesional	Sains	C9	Kontrak (Interim)
3.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran /Pegawai Kesihatan Persekitaran	Pengurusan dan Profesional	Perubatan dan Kesihatan	U9	Kontrak (Interim)
4.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran	Pelaksana	Perubatan dan Kesihatan	U5	Kontrak (Interim)
5.	Pembantu Kesihatan Awam	Pelaksana	Perubatan dan Kesihatan	U1	Kontrak (Interim)
6.	Pembantu Penguat Kuasa	Pelaksana	Keselamatan dan Pertahanan Awam	KP1	Kontrak

### **2. JADUAL GRED GAJI :**

Gred N9	:	RM2,250.00	-	RM11,110.00
Gred C9	:	RM2,250.00	-	RM11,110.00
Gred U9	:	RM2,250.00	-	RM11,110.00
Gred U5	:	RM1,650.00	-	RM6,620.00
Gred U1	:	RM1,500.00	-	RM4,680.00
Gred KP1	:	RM1,500.00	-	RM4,680.00

3. **SYARAT-SYARAT LANTIKAN :**

- Semua jawatan hendaklah terdiri daripada **WARGANEGARA MALAYSIA**.

**3.1 JAWATAN 1 – PEGAWAI TADBIR GRED N9**

- (a) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N9: RM2,250.00); atau

- (b) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N9: RM2,470.00 ); atau

**(c) SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**(d) SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Penghulu, Penolong Pegawai Tanah, Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat Gred N5, N6, N7 atau N8 dan Pembantu Pentadbir Tanah/Penolong Pentadbir Tanah Gred NT5, NT6, NT7 atau NT8 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3.1 (a) dan (b); atau  
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

- (b) had umur pelantikan:-

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

(e) **DESKRIPSI TUGAS :**

Bertanggungjawab merancang, menggubal, mengurus, menyelaras, melaksanakan dan menilai dasar dan peraturan dalam bidang pengurusan dan pentadbiran organisasi termasuklah pentadbiran am, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan serta penyelidikan dan pembangunan pengurusan.

**3.2 JAWATAN 2 – PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR GRED C9**

- (a) Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian dalam bidang Ekologi, Fizik, Kimia Hayat, Kaji Hayat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred C9: RM2,580.00); atau

- (b) Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian dalam bidang Alam Sekitar atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred C9: RM2,580.00); atau

- (c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Awam, Mekanikal, Kimia atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred C9: RM2,690.00).

(d) **SYARAT LANTIKAN BAHASA MELAYU :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(e) **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN :**

Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3.2 (a),(b) dan (c); atau  
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

- (a) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (b) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (c) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

(f) **DESKRIPSI TUGAS :**

Bertanggungjawab menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya serta Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984, menyumbang khidmat teknikal berkaitan pengurusan alam sekitar di peringkat nasional dan antarabangsa, mendidik dan meningkatkan kesedaran awam terhadap tanggungjawab bersama memelihara alam sekitar, memenuhi keperluan dan harapan stakeholders.

### **3.3 JAWATAN 3 & 4 - PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN/ PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U5/U9**

#### **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U5**

(a) Diploma dalam bidang Kesihatan Persekitaran yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U5: RM1,974.00).

#### **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U9**

(b) Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian atau Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U9: RM2,580.00).

(c) **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(d) **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN :**

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 3.3 (a); dan
- (b) had umur pelantikan:
  - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

(e) **DESKRIPSI TUGAS GRED U5:**

- (1) Pentadbiran
  - i. Menyelia dan menghantar laporan-laporan mengenai aktiviti yang dijalankan seperti pemeriksaan, penyiasatan, tindakan yang diambil dan pengawasan.
  - ii. Menyelia dan melatih kakitangan di bawah jagaannya.
- (2) Menguatkuasakan undang-undang, peraturan dan undang-undang kecil di bawah Ordinan dan Enakmen yang berkaitan dengan kesihatan umum.
- (3) Menyiasat dan menyediakan laporan ke atas semua kes penyakit berjangkit.
- (4) Memeriksa dan mengawas bahan-bahan makanan di premis-premis makanan seperti restoran, kilang, rumah sembelih dan pasar.
- (5) Mengawasi kebersihan alam sekitar.
- (6) Menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan umum seperti ceramah kepada Institusi Kerajaan dan Swasta Badan-badan Sukarela.

(f) **KENAIKAN PANGKAT KE GRED U9 :**

- (a) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U5 atau U6 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U9 yang kosong apabila telah:
- (i) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (ii) mempunyai kelayakan di perenggan 3.3(b);
  - (iii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (iv) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (v) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- (b) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U7 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U9 yang kosong apabila telah:
- (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (ii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(g) **DESKRIPSI TUGAS GRED U9:**

Bertanggungjawab dalam merancang, mengurus dan menilai program:

- (1) Kawalan Penyakit (Penyakit Berjangkit, Penyakit Bawaan Vektor)
- (2) Keselamatan dan kualiti makanan.
- (4) Kawalan Mutu Air Minuman (KMAM).
- (5) Perundangan dan Penguatkuasaan.
- (6) Pengurusan dan analisis data.
- (7) Promosi kesihatan dan risiko komunikasi.
- (8) Merancang keperluan sumber manusia, kewangan dan logistik.
- (9) Penyelidikan dan Pembangunan.
- (10) Merancang program intervensi.

**3.4 JAWATAN 5 – PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U1**

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan).

(Gaji permulaan ialah pada Gred U1: RM1,500.00); atau

- (b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U1: RM1,561.00); atau

(c) **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(d) **DESKRIPSI TUGAS :**

Melaksanakan kerja-kerja pengawalan dan pencegahan di dalam program kebersihan alam sekeliling, kebersihan dan keselamatan makanan serta kawalan penyakit berjangkit yang berkaitan dengan tugasnya dengan menggunakan kaedah/ pendekatan kesihatan primer (Control and Prevention – Primary Health Care Approach).

### 3.5 JAWATAN 6 – PEMBANTU PENGUAT KUASA GRED KP1

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau

- (b) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau

- (c) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang kurangnya ber pangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau

- (d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,561.00); atau

- (e) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,622.00). dan

- (f) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

(g) **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan dengan kelayakan 3.5(a), 3.5(b), 3.5(d) dan 3.5(e) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(h) **DESKRIPSI TUGAS :**

- a. Melaksanakan penguatkuasaan pada petak tempat letak kereta.
- b. Melaksanakan pengawasan pada petak tempat letak kereta.
- c. Melaksanakan penguatkuasaan terhadap halangan di petak tempat letak kereta mengikut akta dan undang-undang kecil yang berkuatkuasa.

**4. UMUR :**

Calon bagi lantikan hendaklah berumur :

- (a) tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; **DAN**
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**5. CARA MEMOHON :**

- (a) Permohonan boleh dibuat secara atas talian sepenuhnya melalui Sistem eJawatan di pautan <https://apl.mbjb.gov.my/ejawatan>
- (b) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat mestilah membuat permohonan melalui Ketua Jabatan mengikut Perintah Am Bab 'A' Bil.17 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatkan Perkhidmatan) Tahun 2005 dan memastikan Laporan Penilaian Prestasi dan Penyata Perkhidmatan yang dikemaskini disertakan bersama-sama.
- (c) Tarikh tutup permohonan ialah pada **2 Julai 2025**.
- (d) Semua permohonan yang dikemukakan hendaklah disertakan dokumen-dokumen sebagaimana berikut dan telah diakui **SAH** :-
  - (i) salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
  - (ii) salinan Sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR);
  - (iii) salinan transkrip pengajian;
  - (iv) salinan sijil Diploma/Ijazah;
  - (v) salinan semakan Pengiktirafan Kelayakan dari JPA melalui laman web interaktif <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> (Sijil / Diploma / Ijazah);
  - (vi) salinan sijil/dokumen akademik dan lain-lain yang berkaitan;
  - (vii) salinan Lesen Kelas Memandu;
  - (viii) salinan kad pengenalan;
  - (ix) salinan sijil kelahiran; dan
  - (x) gambar berukuran pasport terbaru.

Untuk maklumat lanjut sila layari laman web rasmi Majlis Bandaraya Johor Bahru di alamat [www.mbjb.gov.my](http://www.mbjb.gov.my).

6. **CATATAN AM :**

- (a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (b) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggung jawab calon sendiri.
- (c) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
- (d) Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat seperti dalam iklan akan **ditolak serta merta**.



**(DATO' HAJI MOHD HAFFIZ BIN HAJI AHMAD)**

Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Tarikh :  
Rujukan : MBJB/U/2010/02/PJW/3/7